

09/02/1998

Anwar temui lapan teraju korporat Jepun

Faizal Fadzil in Tokyo

TOKYO, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja empat hari, akan mengadakan perbincangan secara berasingan dengan lapan pemimpin korporat utama Jepun sepanjang lawatan itu.

Pertemuan itu mengukuhkan tanggapan beberapa penganalisis ekonomi bahawa lawatan kerja pertama Timbalan Perdana Menteri ke negara ini sejak 1994, untuk menarik kembali pelaburan Jepun ke rantau Asia Tenggara.

Pemimpin korporat terbabit ialah Pengarah Toyota Motor Corporation, Koji Hasegawa; Naib Presiden Eksekutif Itochu Corporation, Takashi Yamamura; Presiden OISCA International, Dr Yoshiko Nakano dan Naib Presiden Eksekutif Nomura Asset Management Co. Ltd, Katsuya Takahashi; dan Pengerusi IBJ Securities Co. Ltd, Atsuyoshi Atsunami.

Selain itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan dijadual mengadakan perbincangan dengan Presiden Mitsui Mutual Life Insurance Company, Akira Miyake; Presiden Daiwa International Capital Management Co Ltd, Minoru Mori; dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif The Nikko Securities Co Ltd.

Walaupun krisis kewangan di Asia Tenggara menunjukkan pemulihan yang agak memberangsangkan, ada pelabur utama di sini yang masih memerhati perkembangan selanjutnya sebelum memasuki semula pasaran.

Selain itu, Anwar juga mungkin mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, pagi esok.

Dalam pertemuan itu, Timbalan Perdana Menteri dijangka membangkitkan soal komitmen Jepun dalam membantu negara-negara Asia membebaskan diri daripada masalah ekonomi ketika ini.

Sebelum ini, Anwar menjelaskan, kunjungannya ke sini bertujuan meminta Jepun meningkatkan bantuan terhadap negara-negara Asia khususnya yang dilanda krisis kewangan.

Beliau juga dilaporkan akan berbincang mengenai beberapa pendekatan yang dirancang bersama oleh negara-negara Asia termasuk Jepun sebelum ini, selain meminta negara ini menghulur bantuan dan melaksanakan programnya dalam bentuk pakej reformasi dengan lebih berkesan di samping memikul tanggungjawab dan teraju lebih besar di rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan beberapa pelabur utama Jepun termasuk syarikat insurans.

Laporan sebelum ini memetik seorang diplomat Jepun berkata, Tokyo berhasrat menyampaikan harapan negara itu supaya Malaysia meneruskan program penghantaran pelajarannya ke negara ini selaras Dasar Pandang Ke Timur yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1981.

Sehingga Mac tahun lalu, 372 pelajar tajaan Kerajaan Malaysia, 287 pelajar tajaan Kerajaan Jepun dan 1,071 pelajar swasta melanjutkan pengajian di pelbagai institusi pengajian tinggi di negara ini. Kebanyakan mereka mengambil jurusan kejuruteraan, ekonomi dan pengurusan perniagaan.

Anwar juga mungkin membangkitkan perbincangan lanjut mengenai permintaan Asean supaya Jepun mengadakan urusan perdagangan dengan negara anggotanya menggunakan mata wang serantau, selaras keputusan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Kuala Lumpur pada 14-16 Disember lalu.

Dalam pertemuan berasingan Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leek Pai dan Presiden Filipina, Fidel Ramos beberapa hari lalu, mereka bersetuju menggunakan mata wang baht, ringgit dan peso apabila mengadakan urusan perdagangan di rantau ini.

Malam ini, Anwar menghadiri makan malam sambil bermesyuarat dengan pemimpin Syarikat Nihon Keizai Shimbun Ltd.

Selepas mengunjungi Hashimoto esok, Timbalan Perdana Menteri akan mendengar ucapan Setiausaha Agung Parti Demokratik Liberal (LDP) Jepun, Kato pada satu majlis tengah hari sebelum mengadakan perbincangan dengan Naib Menteri Bagi Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa Kementerian Kewangan Jepun, Eisuke Sakakibara.

Petangnya, beliau yang juga Menteri Kewangan akan menyampaikan ucapan utama dalam seminar 'Global Thinknet Tokyo', sebelum dirai oleh rakan sejawatannya dari Jepun, Hikaru Matsunaga, pada satu majlis makan malam.

Selasa ini, Anwar akan menghadiri mesyuarat sambil bersarapan dengan anggota Diet (Parlimen) Jepun sebelum menghadiri satu mesyuarat yang dianjurkan Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa Jepun.

(END)